



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperak@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 2 (71)

Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H

18 Jun 2025M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong-Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No.6 Tahun 2025**

**Pelantikan Hakam Wanita dan
Kes yang Terpakai dalam Pelantikan Hakam
di Negeri Perak**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 28hb. Mei 2025 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubungan dengan pelantikan Hakam wanita tertakluk kepada syarat berikut:

1. Hakam Islah / Keluarga

- a. Persetujuan dan keredaan pihak-pihak yang terlibat dengan majlis hakam / timbangtara diperlukan apabila hakam dilantik di kalangan wanita;
- b. Kes-kes yang dikendalikan oleh hakam adalah yang bukan berkaitan dengan hudud dan qisas;

2. Hakam lantikan Mahkamah

- a. Orang yang layak dilantik sebagai Panel Hakam Mahkamah ialah:
 - i. Pegawai Sulh
 - ii. Pegawai Penyelidik
 - iii. Pendaftar / Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi
- b. Kes-Kes yang boleh dirujuk kepada Hakam adalah seperti berikut:
 - i. Perceraian dengan talaq atau dengan perintah dibawah Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 – kes yang tiada cadangan penyelesaian samada perceraian atau berbaik semula dan hendaklah telah mengikuti sepenuhnya setiap prosedur yang telah termaktub dalam seksyen 47 tersebut.
 - ii. Perceraian khul' atau cerai tebus talaq dibawah Seksyen 49 (4) Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 – Jika suami tidak bersetuju bercerai dengan cara penebusan khul' atau tidak hadir di hadapan Mahkamah sebagaimana yang diarahkan, atau jika Mahkamah berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi suatu perdamaian, Mahkamah hendaklah melantik suatu jawatankuasa pendamai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 47.
 - iii. Hidup semula sebagai suami isteri atau ruju' dibawah Seksyen 52 (8) dan (9) Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 – jika mahkamah sabitkan rujuk sah tetapi pihak-pihak mustahil untuk bersama semula dan Mahkamah tidak boleh mengarahkan pihak-pihak untuk hidup bersama semula maka kes ini boleh dirujuk kepada hakam.

(3) Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia No.1 Tahun 2006

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak